



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 25 / 2022

KELEBIHAN 10 AWAL ZULHIJJAH

24 Zulkaedah 1443 H

Bersamaan

24 Julai 2022

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ أَيَّامَ الْعَشْرِ أَفْضَلَ أَيَّامِ الدُّنْيَا،
وَحَثَّ عِبَادَهُ أَنْ يَسْتَكْثِرُوا فِيهَا الْأَعْمَالَ الصَّالِحَاتِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ الْخُلُقِ الْجَمِيعِينَ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمْكُمُ اللَّهُ

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan melaksanakan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya, ketahuilah bahawa Allah SWT sentiasa memberi pertolongan kepada orang-orang yang bertakwa. Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan mengenai:

“ Kelebihan 10 Awal Zulhijjah “

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Sekalian!

Hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan memasuki bulan Zulhijjah, yang merupakan salah satu bulan haram iaitu bulan yang dihormati dan

dimuliakan oleh Allah. Bulan yang mana pada sepuluh hari awalnya mempunyai banyak kelebihan di sisi Allah, sehingga Allah SWT bersumpah dengannya. Firman Allah SWT dalam surah al Fajr ayat 1-2 :

وَالْفَجْرِ وَلَيَالٍ عَشْرِ

Yang bermaksud:“ Demi waktu fajar dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah)”

Imam Ibnu Kathir RM berkata : Yang dimaksudkan ayat tersebut ialah fajar hari Nahar (Hari Raya Korban) dan malam sepuluh hari awal bulan Zulhijjah.

Rasulullah SAW pula memperakui tentang kelebihannya dengan bersabda :

أَفْضَلُ أَيَّامِ الدُّنْيَا أَيَّامُ الْعَشْرِ.

Yang bermaksud:“Hari yang paling utama di dunia adalah hari-hari sepuluh awal Zulhijjah”.

(H.R al Bazzar dan Ibnu Hibban)

Al Hafiz Ibnu Hajar Al-Asqolani RM pula berkata: “Bahawa sebab-sebab kelebihan sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah ialah : Terhimpun padanya segala ibadat utama iaitu : ibadat solat, puasa, sedekah dan ibadat haji, sedangkan perhimpunan beberapa ibadat dalam satu masa seperti ini, tidak ada pada masa-masa yang lain ”.

Sidang Jumaat yang rahmati Allah sekalian

Marilah sama-sama kita rebutkan peluang kelebihan yang ada pada sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah ini, dengan memperbanyakkan amalan-amalan yang baik sama ada yang wajib atau yang sunat. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Tidak ada amal soleh yang paling disukai oleh Allah daripada amal soleh yang dilakukan pada sepuluh hari ini (sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah), para sahabat bertanya Ya Rasulallah: termasuk berjihad pada jalan Allah?

Baginda s.a.w menjawab: termasuk berjihad pada jalan Allah, kecuali seseorang yang keluar berjihad dengan dirinya dan hartanya lalu dia tergugur mati syahid di medan perang”

(H.R al Bukhari)

Hadis tersebut menunjukkan bahawa amalan-amalan soleh yang dilaksanakan pada sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah adalah lebih baik dan lebih disukai Allah daripada berjihad, kecuali orang yang berjihad dan tergugur mati syahid dalam jihad tersebut.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah sekalian

Antara amalan-amalan yang dituntut pada sepuluh hari awal bulan Zulhijjah ialah:

Pertama: Melaksanakan solat-solat fardu secara berjemaah dan memperbanyakkan solat sunat.

Kedua: Berpuasa sunat sembilan hari awal bulan Zulhijjah, sebagaimana hadis yang diriwayat daripada isteri Rasulullah SAW berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ يَصُومُ تِسْعَ ذِي الْحِجَّةِ، وَيَوْمَ عَاشُورَاءِ، وَثَلَاثَةَ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ أَوَّلَ اثْنَيْنِ مِنَ الشَّهْرِ، وَالْخَمِينُسِ

(رواه أبو داود)

Yang bermaksud:“Adalah Rasulullah SAW berpuasa sembilan hari bulan Zulhijjah, hari Asyura’, tiga hari setiap bulan dan hari Isnin awal bulan dan hari Khamis”

(H.R Abu daud)

Ibnu Rajab al Hanbali berkata: “Berpuasa pada sembilan hari pertama bulan Zulhijjah merupakan amalan yang selalu dilakukan oleh Abdullah ibnu Umar”.

Imam Nawawi pula berkata: “Bahawa berpuasa pada hari-hari tersebut sangat dituntut, terutama sekali berpuasa pada hari yang kesembilan iaitu hari Arafah bagi yang lain daripada orang yang mengerjakan haji.

Ketiga: Memperbanyak takbir, tahmid dan bertahlil pada hari-hari tersebut, sabda Rasulullah SAW :

مَا مِنْ أَيَّامٍ أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَلَا أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنَ الْعَمَلِ فِيهِنَّ مِنْ هَذِهِ
الْأَيَّامِ الْعَشْرِ فَأَكْثِرُوا فِيهِنَّ مِنَ التَّهْلِيلِ وَالتَّكْبِيرِ وَالتَّحْمِيدِ (رواه أحمد)

Yang bermaksud: “ Tiada hari yang paling agung di sisi Allah SWT dan tiada hari yang amalan padanya paling disukai Allah lebih daripada hari-hari yang sepuluh ini (sepuluh hari awal Zulhijjah), oleh itu maka perbanyakkanlah padanya tahlil, takbir dan tahmid ”.

(H.R Ahmad)

Keempat : Memperbanyakkan amalan-amalan sunat yang lain, seperti qiamullail, bersedekah, membaca al Quran, melakukan ibadat korban dan sebagainya, kerana amalan-amalan sunat merupakan amalan yang boleh mendekatkan diri seseorang hamba kepada Allah serta dicintai oleh Allah. Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis Qudsi bahawa Allah SWT berfirman yang bermaksud :

“....dan hambaKu sentiasa mendekatkan dirinya kepadaKu dengan melakukan amalan-amalan sunat sehingga Aku mencintainya, maka apabila Aku mencintainya Aku akan menjaga telinga, mata, tangan dan kakinya. Jika ia meminta daripadaKu nescaya Aku memberikannya dan jika ia meminta perlindunganKu nescaya Aku melindunginya” .

(H.R. Bukhari)

Ibnu Rajab al Hanbali berkata : “ Qiamullail pada sepuluh malam awal Zulhijjah adalah sunat yang sangat dituntut dan diriwayatkan berdoa padanya diperkenankan. Begitu juga apa yang dikatakan oleh Imam Syafie dan ulama-ulama lain.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah sekalian

Kesimpulan daripada khutbah hari ini, rebutlah peluang yang ada pada sepuluh hari awal bulan Zulhijjah tahun ini seperti berpuasa sunat sembilan hari pada awal bulan, mendirikan solat secara berjemaah, qiamullail, bersedekah, berzikir, berdoa, berkorban dan sebagainya. Semua itu perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh demi mendapat kelebihan yang dianugerahkan oleh Allah SWT pada hari-hari tersebut.

Bagi mereka yang hendak melaksanakan ibadat korban, disunatkan untuk tidak memotong kuku dan mencukur rambut atau bulu bermula daripada 1 Zulhijjah sehingga selesai menyembelih korban.

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللّٰهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ سَرَدُونَ إِلَى عَلِمِ الْغَيْبِ



وَالشَّهَدَةُ فَيُنَيِّثُكُمْ بِمَا كُتِّمْ تَعْمَلُونَ

Yang bermaksud: Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Maha Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian la menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".

(Surah at-Taubah ayat 105)

بَارَكَ اللّٰهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلاؤتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلٌ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ حُبِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرُفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ
اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَّلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، إِبْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانِ مَحْمُودِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهِ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورَ
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغَّبَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَغْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ إِبْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ
مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, kurniakan kami agar cintakan keimanan. Jadikanlah ia perhiasan hati kami. Pahatkanlah dalam diri kami, rasa benci kepada kekufuran, kefasikan, dan

kemaksiatan. Masukkanlah kami ke dalam golongan orang yang mendapat petunjuk. Tunjukkanlah kami kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakan kami dapat mengikutinya. Dan tunjukkanlah kami kebatilan itu sebagai kebatilan, dan kurniakan kami untuk menjauhinya. Janganlah Engkau jadikan kami terkeliru, menyebabkan kami menyimpang dari kebenaran. Jadikanlah kami terus kekal istiqamah atas kebenaran.

Ya Allah, pertautkanlah hati-hati kami. Baikilah hubungan sesama kami. Tunjuklah kami jalan-jalan keselamatan dan kesejahteraan.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أُذْكُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ،

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.